

PUASA ARAFAH: PENYATUAN UMAT LEBIH UTAMA DARIPADA PERSELISIHAN FIQH

**Oleh : A.F Dr Mohd Fahmi Bin Abdul Khir
Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Perak**

Tanggal 9 Zulhijah ialah hari yang telah dimuktamad oleh para ulamak sebagai hari Arafah. Disunatkan berpuasa bagi yang tidak menunaikan haji. Adapun Jemaah haji tidak disunatkan berpuasa dan mereka dituntut agar menyempurnakan ibadat wukuf di Padang Arafah. Fadhilat hari Arafah amat besar bukan hanya kepada Jemaah haji bahkan kepada seluruh umat Islam.

Dalam beberapa hadis dijelaskan kelebihan hari Arafah antaranya:

- Daripada Abdullah bin 'Amr, bahawa Nabi S.A.W bersabda:

خَيْرُ الدُّعَاءِ دُعَاءُ يَوْمِ عَرَفَةَ

Maksudnya: *"Sebaik-baik doa adalah doa pada hari Arafah"*. [Riwayat al-Tirmizi (3509)]

- Daripada Ibnu Abbas R.A, Daripada Nabi S.A.W, Baginda bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ يَعْنِي أَيَّامَ الْعَشْرِ ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ؟ قَالَ : وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ ، فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ

Maksudnya : *"Tiada hari-hari yang amalan soleh yang paling disukai oleh Allah untuk dilakukan melainkan hari-hari ini-baginda memasukkan: 10 hari terawal Zulhijah- ."*Para sahabat bertanya, *"Wahai Rasulullah, Walaupun jihad di jalan Allah tidak dapat menandinginya?"* Baginda bersabda, *"Walaupun jihad di jalan Allah tidak dapat menandinginya, melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama hartanya, kemudian dia langsung tidak kembali."*

Riwayat al-Bukhari (969)

- Daripada Aisyah RA, bahawa Nabi S.A.W bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ أَكْثَرَ مِنْ أَنْ يُعْتَقَ اللَّهُ فِيهِ عَبْدًا مِنَ النَّارِ، مِنْ يَوْمِ عَرَفَةَ

Maksudnya: "Tidak ada satu hari yang lebih banyak dibebaskan hamba-Nya daripada api neraka melainkan pada hari Arafah". [Riwayat Muslim (2402)]

Diriwayatkan bahawa Abdullah bin Abbas mengadakan majlis khusus yang disebut al Takrif bagi menghidupkan hari Arafah. Majlis al Takrif ialah majlis zikir dan doa di masjid pada petang hari Arafah.

Rasulullah s.a.w mengingatkan umatnya tentang kelebihan berpuasa pada hari Arafah sepertimana sabda Baginda s.a.w:

Daripada Abi Qatadah RA, bahawa Rasulullah S.A.W bersabda apabila ditanya tentang puasa pada hari Arafah:

يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ وَالْبَاقِيَةَ

Maksudnya: "Puasa pada hari tersebut akan menghapuskan dosa setahun yang lalu dan akan datang". [Riwayat Muslim (1977)]


Penulis dengan rendah diri menganjurkan umat Islam agar tidak terlepas melaksanakan puasa yang sangat besar fadhilatnya di sisi Allah S.W.T. Amat digalakkan program iftar puasa Arafah dijadikan program yang akan mengukuhkan tali silaturrahim antara ahli keluarga. Masjid dan surau juga dicadangkan agar mengadakan program ihya` Zulhijjah iaitu menghidupkan bulan Zulhijjah dengan pelbagai program yang memberi impak yang baik kepada ahli kariah.

Pada tahun ini tanggal 9 Zulhijjah 1445h jatuh pada hari ahad bersamaan 16 Jun 2024 selepas anak bulan Zulhijjah telah kelihatan dan berjaya dicerap dengan jayanya pada 29 Zulkaedah 1445h bersamaan 7 Jun 2024. Anak bulan Zulhijjah yang kelihatan dalam bentuk huruf *Ra* terbalik telah menzahirkan kebesaran Allah S.W.T di saat ia dicerap ketika matahari terbenam pada hari tersebut.



Gambar menunjukkan Hilal Zulhijjah 1445 H yang dicerapkan di Baitul Hilal, Segari. Ia juga telah dilihat di lokasi-lokasi lain di Malaysia.

Benarlah firman Allah S.W.T dalam surah al-Rahman : 5 :



Bermaksud : “ Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu.”

Di negara Arab Saudi pula, tanggal 9 Zulhijjah telah diumumkan jatuh pada hari Sabtu bersamaan 15 Jun 2024 justeru, ibadat wukuf di padang Arafah akan berlangsung pada tanggal 15 Jun 2024. Sehari lebih awal daripada Malaysia. Perbezaan tanggal 9 Zulhijjah antara Arab Saudi dan Malaysia menimbulkan sedikit kekecohan di kalangan Masyarakat Islam di Malaysia.

Para Ulama melalui beberapa jabatan mufti di Malaysia telah memberikan jalan keluar yang jelas dalam hal ini. Pandangan mazhab Syafie telah menjadi asas pertimbangan dalam menentukan hari puasa Arafah bagi umat Islam di Malaysia. Pandangan yang muktamad dalam mazhab Syafie telah memutuskan puasa hari Arafah didasarkan kepada tanggal 9 Zulhijjah di Malaysia. Walaupun berlaku perbezaan dengan tanggal 9 Zulhijjah di Arab Saudi. Dengan erti kata lain perbezaan garis bujur dan garis lintang sesuatu tempat menyebabkan berlaku perbezaan masa dan hari. Perbezaan masa dan hari memberi kesan terhadap hukum ibadat.

Pandangan mazhab Syafie berdalilkan hadis Kurayb:

Bermaksud : " Kurayb berkata bahwa Ummu al Fadl binti al Harits pernah mengutusnyanya bertemu Muawiyah di Syam untuk menyempurnakan satu urusan. Selepas Kurayb menyempurnakan tugasnya, tiba bulan Ramadan(anak bulan telah kelihatan). Ketika itu dia masih di Syam dan dia telah melihat anak bulan pada malam Jumaat. Apabila Dia pulang ke Madinah, Abdullah bin Abbas bertanya padanya: Bilakah kalian melihat anak bulan? Dia berkata: Kami melihatnya pada malam Jumaat, Aku dan semua orang melihatnya. Semua berpuasa(keesokkan harinya) begitu juga Muawiyah. Ibnu Abbas berkata: Kami melihatnya pada malam Sabtu. Kami tidak berpuasa sehingga kami melihatnya (anak bulan). Kurayb bertanya: Tidak cukupkah dengan anak bulan yang dilihat di Syam? Ibnu Abbas menjawab: Tidak, begitulah kami diperintahkan oleh Nabi S.A.W"
(Riwayat Muslim)

Tidak dinafikan, terdapat perselisihan pandangan di kalangan ahli fiqh dan ahli hadis dalam hal ini namun, Janganlah kerana perselisihan pandangan ahli fiqh menyebabkan umat Islam berpecah belah. Pada pandangan penulis, bukanlah dalil dan hujah menjadi keutamaan kerana penghujahan dan pendalilan adalah perkara yang subjektif. Ahli Fiqh dan ahli hadis mengemukakan pelbagai hujah dan dalil dalam mengukuhkan pandangan masing masing. Terkadang pelbagai pandangan fiqh dan hadis yang diketengahkan menatijahkan kekeliruan dan kekusutan di kalangan Masyarakat orang awam.

Apa yang penting ialah penyatuan umat. Tidak sepatutnya umat Islam di Malaysia berpecah dalam soal ini selepas ulamak kita dari dahulu hingga kini telah meletakkan metodologi atau manhaj yang jelas dalam memutuskan sesuatu isu samada isu akidah atau fekah atau tasawwuf. Isu akidah dirujuk kepada manhaj atau mazhab al-Asyairah, isu fekah dirujuk kepada mazhab al-Syafie dan isu tasawwuf dirujuk kepada manhaj al-Ghazaliy. Peranan Jabatan Mufti sangat dihargai dalam menangani isu isu seperti ini. Irsyad hukum atau fatwa yang dikeluarkan oleh beberapa Jabatan Mufti dengan kadar yang pantas sangat membantu dalam memberi pencerahan dan kefahaman yang jelas kepada masyarakat.

Selamat Menyambut hari Arafah, semoga diterima segala amalan di sisiNya.